



JABATAN BENDAHARI
BURSARY

RUJ. KAMI (OUR REF) : UMP.BEND.10.12/3/1(2)
RUJ. TUAN (YOUR REF) :

01 April 2008

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2008

Semua Dekan/Ketua Jabatan

Universiti Malaysia Pahang
Karung Berkunci 12
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Assalamualaikum wrt. wbt. dan selamat sejahtera.

YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

TAMBAHAN KEPADA GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN KOMPUTER UMP

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memudahkan dan memperjelaskan lagi garis panduan serta syarat-syarat pembiayaan yang terkandung dalam Pekeliling Bendahari Bil. 5/2007 - Pembiayaan Komputer Universiti Malaysia Pahang.

2.0 TAMBAHAN KEPADA GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN KOMPUTER

2.1 Syarat-syarat permohonan di bawah perenggan 5.0 Pekeliling Bendahari bil. 5/2007 ditambah seperti perkara berikut:-

2.1.1 Jumlah kelulusan permohonan pembiayaan adalah bergantung kepada sebutharga yang disertakan dan tidak melebihi had maksima pembiayaan RM5,000.00;

2.1.2 Penjamin-penjamin hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-

2.1.2.1 Merupakan staf UMP yang masih berkhidmat dalam tempoh pembiayaan dibuat;

2.1.2.2 Staf hanya boleh menjadi penjamin kepada maksima dua (2) orang peminjam sahaja.

2.1.2.3 Gaji bersih bulanan penjamin hendaklah tidak kurang daripada 40% setelah ditolak jumlah ansuran bulanan peminjam.

3.0 PERATURAN-PERATURAN SELEPAS KELULUSAN

3.1 Perenggan 11.2 dalam Pekeliling Bendahari bil. 5/2007 menyatakan cek pembayaran akan dikeluarkan atas nama peminjam, kenyataan ini dipinda kepada cek pembayaran akan dikeluarkan atas nama syarikat penjual.

4.0 Lain-lain syarat adalah sama seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Bendahari Bil. 5/2007 – Pembiayaan Komputer UMP.


5.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2008 ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

A rectangular box containing a handwritten signature in black ink. The signature is cursive and appears to read 'Zainudin Bin Othman'.

ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

s.k **Y.H Profesor Dato' Dr. Mohamed Said Bin Mat Lela**
Naib Canselor

Y. Bhg Profesor Dr. Sabarudin Bin Mohd.
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Tn. Hj. Mustafa Bin Ibrahim
Pendaftar